



PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PEMASYHURAN DARURAT



**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI
BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM, Alhamdulillahi Rabbil 'Alamin
Wassalatu Wassallamu 'Ala Saiyidina Muhammad Wa'ala Alihi Wasahbihi Ajma'in.

BAHAWASANYA adalah disyaratkan di bawah bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, bahawa jika pada fikiran Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan bahawa ada kejadian yang merbahaya kepada orang ramai yang olehnya keselamatan atau kehidupan iktisad Negara, atau mana-mana bahagiannya, adalah terancam, sama ada oleh peperangan atau serangan dari luar atau kekacauan dalam Negara, yang sebenarnya atau yang diancam, maka Baginda boleh dengan Pemasyhuran mengisytiharkan keadaan darurat sama ada bagi seluruh Negara atau dalam bahagian Negara yang dinyatakan dalam Pemasyhuran itu;

DAN BAHAWASANYA pada 3 haribulan Rabiulawal, Hijrah Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wassalam, seribu empat ratus sembilan belas bersamaan dengan hitungan Masihi 27 haribulan Jun, seribu sembilan ratus sembilan puluh lapan, Beta telah MENGISYTIHARKAN DAN MEMASYHURKAN keadaan darurat dalam Negara Brunei Darussalam;

DAN BAHAWASANYA adalah disyaratkan di bawah bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa Pemasyhuran Darurat tidak boleh berkuatkuasa lebih dari dua tahun, tetapi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan berkuasa mengeluarkan satu lagi pemasyhuran yang sedemikian apabila atau sebelum tamatnya tempoh itu;

DAN BAHAWASANYA pada fikiran Beta bahawa ada kejadian yang merbahaya kepada orang ramai yang olehnya keselamatan Negara adalah terancam;

SEKARANG DARI ITU, BETA, SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, RAJA DAN KEPALA BAGI DARJAH KERABAT MAHKOTA BRUNEI, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta sekalian Jajahan Takluk Rantau dan Pesisirnya;

Dengan ini MENGISYTIHARKAN DAN MEMASYHURKAN mulai dari hari ini keadaan darurat dalam seluruh Negara;

DAN dengan ini MEMBATALKAN Pemasyhuran Darurat yang telah disebut tadi yang telah diperbuat pada 3 haribulan Rabiulawal, Hijrah Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wassalam, seribu empat ratus sembilan belas bersamaan dengan hitungan Masihi 27 haribulan Jun, seribu sembilan ratus sembilan puluh lapan;

Demikianlah Pemasyhuran Darurat.

Barang dirahmati Allah Subhanahu Wata'ala Malikul Mulk dan diberkati Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wassalam akan Pemasyhuran ini. Amin Ya Rabbul 'Alamin.

Diperbuat di Istana Nurul Iman, Negara Brunei Darussalam pada 16 haribulan Safar, Hijrah Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wassalam, seribu empat ratus dua puluh satu bersamaan dengan hitungan Masihi 20 haribulan Mei, tahun dua ribu, iaitu tahun yang ketiga puluh tiga Beta di atas Takhta Kerajaan.

DENGAN TITAH PERINTAH

DATO PADUKA HAJI AWANG HAZAIR BIN HAJI ABDULLAH

Setiausaha Tetap,
Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.